



**GARIS PANDUAN  
MENTOR-MENTEE RESEARCH GRANT  
2018**

**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)**

## 1.0 DEFINISI

- 1.1 Mentor-mentee Research Grant merupakan inisiatif baharu yang ditubuhkan bagi meningkatkan budaya penyelidikan di UniSZA melalui kepimpinan penyelidik senior (*mentor*) dengan cara membantu menggilap potensi penyelidik muda (*mentee*) dalam bidang penyelidikan dan seterusnya meningkatkan output penyelidikan merangkumi penerbitan, penemuan inovasi, penghasilan harta intelek (IP) dan sebagainya.
- 1.2 Mentor akan bertindak sebagai Ketua Program penyelidikan kepada beberapa sub-projek penyelidikan yang diketuai oleh beberapa orang Mentee (Ketua Projek).

## 2.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah maksimum **DUA** (2) tahun.

## 3.0 SKOP DAN BIDANG PENYELIDIKAN

- 3.1 Pembiayaan geran ini meliputi kluster seperti berikut:-
  - 3.1.1 Sains Tulen dan Gunaan (*Pure Science*)
  - 3.1.2 Sains Gunaan (*Applied Science*)
  - 3.1.3 Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)
  - 3.1.4 Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)
  - 3.1.5 Sains Sosial (*Social Sciences*)
  - 3.1.6 Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)
  - 3.1.7 Sains Tabii dan Warisan Negara (*Natural Sciences and National Heritage*)
  - 3.1.8 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Technology Communication*)
- 3.2 Skop bidang projek penyelidikan yang dicadangkan oleh Mentor dan Mentee hendaklah berkaitan di antara satu sama lain sama ada daripada kluster yang sama atau merentasi kluster berbeza.

## 4.0 SYARAT PERMOHONAN

- 4.1 Geran ini terbuka kepada semua kakitangan akademik di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) :-
  - 4.1.1 Mentor hendaklah warganegara Malaysia.
  - 4.1.2 Mentor adalah kakitangan akademik **TETAP** (Profesor atau Profesor Madya)
  - 4.1.3 Mentor (pemohon) hanya dibenarkan menjadi ketua bagi satu program penyelidikan sahaja untuk geran ini.
  - 4.1.4 Mentor diberi pilihan sekiranya ingin mengetuai salah satu sub-projek di bawah program penyelidikan.
  - 4.1.5 **Minimum dua (2) orang Mentee** (kakitangan akademik) **TETAP** warganegara Malaysia bertaraf Pensyarah/Pensyarah Kanan.

- 4.2 Syarat tambahan bagi **Mentor** adalah sebagaimana berikut:-
- 4.2.1 Merupakan Ketua Projek untuk sekurang-kurangnya **DUA (2) buah** projek penyelidikan yang sedang berjalan atau telah tamat;
  - 4.2.2 Mempunyai sekurang-kurangnya **LIMA (5)** penerbitan artikel dalam jurnal terindeks untuk tiga (3) tahun terkini.
- 4.3 Syarat tambahan bagi **Mentee** adalah sebagaimana berikut:-
- 4.3.1 Mempunyai kepakaran dalam bidang projek yang dicadangkan;
  - 4.3.2 Mentee yang mengetuai geran penyelidikan aktif adalah tidak layak untuk memohon geran ini.
  - 4.3.3 Walau bagaimanapun, kelonggaran akan diberikan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek pada kadar 75 peratus (75%).
  - 4.3.4 Setiap Mentee akan mengetuai hanya satu sub-projek di bawah Mentor.
  - 4.3.5 Mentee yang berpindah universiti, bercuti belajar dan cuti sebatikal (luar negara melebihi 6 bulan) tidak dibenarkan menjadi ketua penyelidik. Walau bagaimanapun, boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 4.4 Jumlah siling permohonan bagi keseluruhan program adalah **RM100,000**.
- 4.5 Di akhir projek penyelidikan, Mentor berhak mendapat 5% daripada keseluruhan jumlah yang diluluskan sebagai bayaran perundingan (*consultation fee*). Walau bagaimanapun, syarat ini hanya terpakai sekiranya Mentor **TIDAK** mengetuai sub-projek (rujuk Perkara 4.14).

## 5.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 5.1 Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan Mentor-mentee Research Grant yang boleh dimuat turun melalui laman web <http://www.rmic.unisa.edu.my> sepertimana berikut:-
- i) Borang Permohonan (Program) Geran Penyelidikan Mentor-Mentee UniSZA-PTPIP-20-PK 015(01)-BR 001 (Borang A)
  - ii) Borang Permohonan (Sub-Projek) Geran Penyelidikan Mentor-Mentee UniSZA-PTPIP-20-PK 015(01)-BR 002 (Borang B)
- 5.2 Permohonan untuk Mentor-mentee Research Grant dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati syarat permohonan.
- 5.3 Permohonan yang telah lengkap diisi perlu dihantar dan diperaku oleh Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti/Institut (JPFI) masing-masing sebelum diajukan kepada RMIC.
- 5.4 Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses oleh RMIC.
- 5.5 Semua permohonan akan dinilai oleh Panel Penilai yang dilantik oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi Dan Pengkomersialan (RMIC).

## 6.0 KRITERIA PENILAIAN

- 6.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep baharu yang dapat menjadi

pemangkin kepada penemuan baharu demi perkembangan ilmu dan penciptaan inovatif di kalangan penyelidik UniSZA;

- 6.2 Penyelidikan yang merangkumi isu semasa dan isu-isu kemanusiaan serta kemasyarakatan di peringkat kebangsaan / serantau / antarabangsa bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat.

## 7.0 PERATURAN KEWANGAN

### 7.1 **Vot 11000**

(Upah dan Elaun) untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)/ Pembantu Penyelidik (RA)

- 7.1.1 Siling upah atau elaun bulanan tidak melebihi RM1,300 bagi Sarjana dan RM1,800 bagi PhD; atau mengikut garis panduan IPT (penghasilan bakat adalah tidak wajib dan bergantung pada kecukupan dana geran).

### 7.2 **Vot 21000**

Perjalanan dan pengangkutan

- 7.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.
- 7.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Persidangan Universiti) perlu memenuhi kriteria di bawah:-
- a) Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu Penyelidik Siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka dalam negara sahaja.
  - b) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan / seminar/ bengkel / kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
  - c) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
  - d) Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan universiti.
  - e) Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.
- 7.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

7.3 **Vot 24000**

Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

7.4 **Vot 27000**

Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

7.5 **Vot 28000**

Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Dana ini.

7.6 **Vot 29000**

Perkhidmatan Ikhtisas

a) **Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.**

b) **Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.**

c) **Peruntukan sebanyak 5% daripada keseluruhan program untuk bayaran perundingan (consultation fee) untuk Mentor.**

7.7 **Vot 35000**

Aksesori dan peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

## 8.0 HASIL PENYELIDIKAN

Hasil penyelidikan minimum yang perlu dicapai oleh setiap pemegang sub-projek bagi **Penerbitan, Bakat dan Harta Intelekt (IP)** hendaklah merujuk kepada **Jangkaan Hasil Penyelidikan Berdasarkan Jumlah Peruntukan Geran Yang Diterima** sepertimana termaktub dalam buku Dasar dan Garis Panduan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersilan UniSZA (rujuk **Lampiran 1**).

## 9.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN

Surat kelulusan penyelidikan akan dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (RMIC) kepada para penyelidik yang berjaya setelah melalui proses penilaian. Penyelidik hanya dibenarkan melakukan kerja-kerja penyelidikan setelah menerima surat kelulusan.

Keputusan penilaian adalah muktamad.

## 10.0 PERANAN

10.1 **Mentor** bertanggungjawab:

- i. membuat permohonan program; dan
- ii. menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan; dan
- iii. menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam garis panduan Mentor-Mentee Research Grant; dan
- iv. mengurus program penyelidikan dan penyelidik.

10.2 **Mentee** bertanggungjawab:

- i. membuat permohonan sub-projek;
- ii. menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan;
- iii. menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam garis panduan kepada Mentor;
- iv. mengurus projek dan penyelidik:

## 11.0 PEMANTAUAN

11.1 Semua projek yang diluluskan di bawah Mentor-mentee Research Grant perlu dipantau dari aspek:-

- i. Prestasi projek; dan
- ii. Prestasi kewangan.

11.2 Pemantauan projek penyelidikan perlu dihantar ke pejabat RMIC bagi tempoh **enam (6) bulan sekali**.

**JANGKAAN HASIL PENYELIDIKAN BERDASARKAN  
JUMLAH PERUNTUKAN GERAN YANG DITERIMA**

JUMLAH GERAN (RM)	*OUTPUT		
	Penerbitan (Jurnal Terindeks)	Modal Insan	Harta Intelek (IP)
5,000 - 9,999	1 artikel	-	-
	-	-	1
10,000 – 29,999	1 artikel	-	1
	2 artikel	-	-
30,000 – 49,999	2 artikel	1	1
	3 artikel	1	
50,000 – 99,999	3 artikel	1	2
	5 artikel	1	-
100,000 – 199,999	5 artikel	2	1
	6 artikel	2	-
200,000 – 499,999	6 artikel	2	2
	8 artikel	2	1
500,000 -1,000,000	10 artikel	3	3
	12 artikel	3	2
>1,000,000	15 artikel	5	4
	18 artikel	5	3

\*Selain daripada yang diatas, penyelidik adalah digalakkan untuk menghasilkan **buku penyelidikan yang diterbitkan oleh penerbit tersohor, bab dalam buku, kertas kerja seminar, monograf atau modul.**

**Sumber:** *Dasar dan Garis Panduan Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersilan UniSZA*